# ARAHAN PEJABAT TANAH DAN GALIAN KELANTAN
# BIL. 8/1976

## DASAR MENGENAI KADAR HASIL TANAH PREMIUM BAGI TANAH-TANAH YANG DIBERI MILIK KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN

Arahan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk menarik perhatian semua P.H.T. kepada dasar Kerajaan yang telah dibuat mengenai perkara yang diatas. Dasar-dasar itu adalah sebagimana dalam Jadual yang berkembar dengan arahan ini.

2. Adalah diharapkan semua P.H.T. mengambil ingatan akan dasar ini untuk menjadi panduan semasa menyediakan Rang Kertas M.M.K. mengenai tanah-tanah yang akan diberi milik kepada Kerajaan Persekutuan.

3. Mengikut dasar dalam Jadual yang berkembar tidak ada terdapat perbezaan mengenai Kadar Premium bagi semua jenis penggunaan tanah yang diberi milik kepada Kerajaan Persekutaun. Tetapi kadar hasilnya berlainan dan berbeza mengikut tujuan dan maksud tanah itu diberi milik iaitu samada tanah itu untuk faedah Kerajaan Negeri semata-mata, atau untuk faedah Kerajaan Negeri, dan Kerajaan Persekutuan, ataupun untuk digunakan bagi maksud, selain daripada memberi faedah Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, ianya ada mempunyai unsur-unsur perniagaan, seperti Pejabat Pos, Talikom dan Radio.

4. Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan P.T.G. Bil. 3/69 dan Pekeliling P.T.G. Bil. 2/76 dan 14/76.

Sekian sahaja dimaklumkan

(Mohd Tajol Aros b.Ahmad)
Pengarah Tanah dan Galian,
Kelantan.

Kepada: Semua Ketua-Ketua Jajahan, Kelantan
Dan Semua penolong-Penolong Ketua Jajahan 1, Kelantan

s.k. Y.B.. Dato Setiausaha Kerajaan, Kelantan

Y.B. Dato Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan.

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah L.K.T.N. Kelantan

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN**
**KELANTAN,KOTA BHARU.**
**PTG.KN. 85/59/(133)**
**28hb. Disember, 1976.**

## KERAJAAN NEGERI KELANTAN

### TERMS OF PREMIUM AND ANNUAL RENT OF ALIENATOR OF STATE LAND TO THE FEDERAL GOVERNMENT (COUNTRYLAND AND LAND OUTSIDE LOCAL AUTHORITY AREAS)

| FOR PURPOSES OF DIRECTLY BENEFICAL TO ALL STATES (e.g. School, Hospital, Clinics & Dispensaries) | | FOR PURPOSE OF COMMAN BENEFIT TO ALL STATES (e.g. Police, Defence, Quarters for Fe. Officers) | | FOR COMMERCIAL UNDERTAKING (e.g. Post Office, Telecom and Broadcasting) | |
|---|---|---|---|---|---|
| PREMIUM | ANNUAL RENT | PREMIUM | ANNUAL RENT | ANNUAL | ANNUAL RENT |
| Di dalam atau Bandar | di dalam atau di luar Bandar | di dalam atau di luar Bandar | di dalam Bandar/ Pekan | Di dalam atau di luar Bandar | di dalam atau Di luar diluar Bandar/Pekan |
| ½ daripada harga pasaran (Pek.PTG.2/1976) | 25% daripada kadar yang terjadual dalam Kelantan Land Rules 1966 (Pek.PTG.14/1976) | ½ daripada harga pasaran (Pek.PTG.2/1976) | 50% daripada kadar terjadual dalam Kelantan Land 1966<br><br>Tanah Desa $10.00 seekar setahun atau sebahagian dari seekar setahun. (Arahan PTG.3/1966 & P.U. No. 11/2/3/70) | ½ daripada harga pasaran (Pek. PTG.2/1976) | $50.00 bagi tiap-tiap tiap 10,000 k.p. atau sebahagian daripadanya (Arahan PTG.3/1969 & P.U.No.11/2.3.1970) |

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN, KOTA BHARU.
PTG.KN.85/59/(132)
27hb. November, 1976

(MOHD TAJUL AROS BIN AHMAD)
Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan